

# Bot lokal dikendali Myanmar

KM 10/11/23 M/s 19

**Kuantan:** Bot nelayan tempatan kelas C dikendalikan lima nelayan warga Myanmar ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di kedudukan kira-kira 18 batu nautika timur Nenasi, Pekan, kelmarin.

Pengarah APMM Pahang, Laksamana Pertama Maritim Kamal Ariffin Jusoh berkata, penahanan itu dilakukan selepas mendapati bot terbabit dalam keadaan mencurigakan pada 1 tengah hari.

Menurutnya, lima kru warga Myanmar termasuk



LIMA warga Myanmar ditahan Maritim Malaysia Pahang.

tekong berusia 23 hingga 44 tahun ditahan selepas gagal mempamerkan dokumen kelulusan penggunaan kru bukan warganegara serta gagal mempamerkan pas lawatan

kerja sementara.

“Kita turut merampas peralatan menangkap ikan dan hasil laut dianggarkan sebanyak 700 kilogram untuk untuk tindakan lanjut,” katanya.